

BACAAN IPU DI BEBERAPA TEMPAT SEMALAM

LOKASI	6 PAGI	12 TGH HARI	6 PETANG
Muar	102	94	90
Bandaraya Melaka	129	116	106
Bukit Rambai	131	120	116
Nilai	100	106	106
Port Dickson	107	112	97
Seremban	107	114	103
Kapit	137	133	131
Kuching	193	205	185
Samarahan	192	204	193
Sarikel	118	109	110
Sibu	112	103	97
Sri Aman	129	133	143
Banting	109	113	108
Pelabuhan Kelang	102	97	96
Shah Alam	104	105	107
Putrajaya	101	103	97

0-50 BAIK 51-100 SEDERHANA 101-200 TIDAK SIHAT 201-300 SANGAT TIDAK SIHAT >301 BAHAYA

Sumber: Laporan web rasmi Jabatan Alam Sekitar

BAHANA JEREBU

IPU BERUBAH-UBAH

Oleh Intan Mas Ayu Shahimi
imas@hmetro.com.my
Kuala Lumpur

Indeks Pencemaran Udara (IPU) di seluruh negara terus berubah-ubah sejak awal minggu lalu dengan bacaan di beberapa kawasan di Sarawak mencecah tahap sangat tidak sihat.

Berdasarkan laporan dikeluarkan Jabatan Alam Sekitar (JAS) jam 9 pagi semalam, Kuching melepasi IPU sangat

tidak sihat dengan bacaan 204, diikuti Samarahan, 200.

Bacaan terus meningkat sehingga jam 1 petang dan kembali turun ke paras tidak sihat jam 4 petang.

Begitupun, 465 sekolah di tujuh daerah di Sarawak diarah tutup sehingga notis pembukaan semula dikeluarkan Jabatan Pendidikan Negeri.

Antara daerah terbabit ialah Kuching, Padawan, Bau, Lundu, Samarahan, Serian dan Simunjan.

Dalam pada itu, beberapa kawasan di

sekitar Selangor, Melaka dan Negeri Sembilan masih mencatat bacaan IPU tidak sihat.

Shah Alam mencatat IPU 107, Banting (108), Bukit Rambai (116), Bandaraya Melaka (106), Seremban (103) dan Nilai (106).

Pahang, Terengganu, Putrajaya dan Kuala Lumpur yang merekodkan bacaan IPU tidak sihat sebelum ini kembali ke paras sederhana.

Harian metro
18/9/2015
mls 12